

02 OCT 1998

DR MAHATHIR HADIR PERJUMPAAN BN KUBANG PASU

JITRA, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri perjumpaan tertutup Barisan Nasional Kubang Pasu di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Kubang Pasu di sini hari ini.

Perjumpaan kira-kira sejam bermula pukul 11.30 pagi itu dihadiri semua pemimpin parti komponen BN kawasan itu.

Pada perjumpaan itu, Dr Mahathir, yang juga anggota parlimen Kubang Pasu, memberikan penerangan mengenai soal pemecatan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Timbalan Ketua Umno bahagian Kubang Pasu Tan Sri Osman Aroff.

-- BERNAMA

MZM AKD